

Kunjungan Hormat Dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	1
19 Menyertai Pakej PPM ke IFLA 71 di Oslo	1

Aktiviti PPM/ Berita Semasa

Siri Ceramah Ikhtisas Pembangunan Profesional Bil.4	2
Bengkel Kemahiran Maklumat 2005	4
Jawatankuasa Tetap dan Kumpulan dalam PPM	5
Misi Iqra' PPM Malaysia ke Aceh Pasca-Tsunami	6
Laporan Mesyuarat Agung PPM (Kumpulan Selatan 2005)	8
Pakej PPM ke Singapore	9
Ahli Baru PPM	9
Aktiviti PPM Oktober - Disember	9

Maklumat Penaja

Ovid Technologies Inc.	10
------------------------	----

Berita Perlantikan/Persaraan

Perlantikan	11
Persaraan	11

Kunjungan Hormat Dengan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan



Bersama YB Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman, selaku YDP PPM, telah mengadakan kunjungan hormat dengan YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, pada 8 Ogos 2005. Kunjungan ini turut disertai oleh YBhg Dato' Zawiyah Baba dan Puan Maimunah Kadir. PNM pula diwakili oleh Puan Zainab Ibrahim. Pelbagai perkara telah dibincangkan dalam kunjungan ini termasuklah pembidaan untuk IFLA 2009/2010, Sekretariat CONSAL, Misi Iqra PPM ke Aceh serta kerjasama di antara PNM dan PPM. Berita PPM merakamkan ucapan terima kasih diatas kesudian YB Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim menerima kunjungan wakil PPM serta pemberian cenderahati.

19 Menyertai Pakej PPM ke IFLA 71 di Oslo

Oleh Hasbullah Atan

Sekali lagi PPM telah berjaya menganjurkan pakej untuk ahli-ahli PPM menghadiri IFLA. Sejak beberapa tahun yang lepas IFLA telah dikenali sebagai World Library and Information Congress: IFLA General Conference and Council. Persidangan tahunan kali ke-71 ini telah diadakan di Oslo, Norway pada 14-18 Ogos, 2005. Pakej ini pula adalah selama sepuluh hari dengan singgah selama dua hari satu malam di Helsinki, Finland dalam perjalanan pulang.

Peserta kali ini adalah terdiri daripada pustakawan dari pelbagai jenis perpustakaan dan terdapat juga dua

peserta bukan pustakawan dari Kementerian Pendidikan Malaysia. Turut hadir adalah Yang DiPertua PPM Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman dan juga Mantan Yang DiPertua, YBhg Dato Zawiyah Baba.

Bandaraya Oslo

Rombongan telah berlepas dari KLIA pada 12 Ogos melalui Singapore/Bangkok/Helsinki dan tiba di Oslo pada esoknya kira-kira jam 8.30pagi. Satu lawatan ke tempat-tempat menarik di sekitar Oslo telah dilakukan dan antaranya ialah Holmenkollen Ski Jump dimana sukan olimpik musim sejuk biasa diadakan. Peserta dibawa



Dihadapan Hotel Grand Marina, Helsinki

melawat Viking Ship Museum serta Vigeland Park yang begitu unik dengan ukiran patung-patung dan dibawa melawat sekitar bandaraya Oslo.

lihat muka 3

PPM Council Members 2005 - 2007

President

Putri Saniah Megat Abdul Rahman

Vice President 1

Mohd Sharif Mohd Saad

Vice President II

Siti Zakiah Aman

Immediate Past President

Dato' Zawiyah Baba

Honorary Secretary

Maimunah Kadir

Honorary Assistant Secretary

Azlan Mohamad Hamzah

Honorary Treasurer

Chin Loy Jyoon

Council Members

Nafisah Ahmad

Che Norma Bahri

Hasbullah Atan

Nor Edzan Che Nasir

Raslin Abu Bakar

Norma Mohd Darus

Hasnita Ibrahim

Nor Edzan Che Nasir

Azmah Ishak

Azlan Mohamad Hamzah

Hasbullah Atan

Hazmir Hj Zainal

Maimunah Kadir

Norbaizura Hj Malek

Rusiah Husin

**Berita PPM mengalu-alukan
sumbangan berita dari ahli,
salurkan artikel ke
Prof Madya Nor Edzan Che Nasir :
edzan@um.edu.my**

**Siri Ceramah Ikhtisas :
Pembangunan Profesionalisme Bil. 4**

oleh

**Prof Madya Syed Salim Agha,
Ketua Pustakawan Universiti Islam Antarabangsa.**

Persatuan Pustakawan Malaysia dengan Kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan siri ceramah ikhtisas oleh Mantan Presiden PPM bilangan 4 / 2005 pada 22 Ogos 2005 bertempat di Dewan Kuliah 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Jaafar, Hospital UKM, Cheras, Kuala Lumpur.

Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Prof Madya Syed Salim Agha, Ketua Pustakawan Universiti Islam Antarabangsa. Tajuk ceramah yang disampaikan ialah 'Management with a difference : Integrating Islamic Values in Management Process'.

Perkara yang dikupas dalam ceramah berkenaan adalah :

1. *Introduction*
2. *Islamic world view and basic concepts*
3. *Collectiveness and organizational culture*
4. *Planning*
5. *Organizing*
6. *Leading*
7. *Competition*
8. *Other Islamic Values*

Topik yang dibicarakan dalam sesi tersebut amat menarik kerana ia membincangkan aspek pengurusan dari perspektif nilai-nilai murni Islam yang boleh dipraktikkan dalam pengurusan perpustakaan di Malaysia.



dari muka 1

Pakej PPM ke IFLA 71 di Oslo

Selepas mendaftar di hotel, peserta dibawa ke Oslo Spektrum untuk pendaftaran persidangan. Hotel First Millenium dipilih sebagai tempat penginapan untuk memastikan keselesaan peserta dan ianya terletak hanya 10 minit berjalan kaki ke tempat persidangan dan 2 minit ke Johans Street, pusat membeli-belah terulung di Oslo.

Aduhai Oslo... Mahalnya!

Sesuatu yang pasti terasa adalah taraf hidup warga Oslo yang merupakan kota termahal di Eropah dan yang kedua termahal di dunia selepas Tokyo. Sebagai bandingan harga satu kebab dan coke untuk makan tengahari mencecah hampir RM100. Bayangkan kebab dan coke yang sama di sebelah Pasar Seni Kuala Lumpur berharga RM7.50. Seluar jeans yang berharga RM120.00 di Kuala Lumpur dijual dengan harga KR799 iaitu kira-kira RM600. Tetapi itu tidak menghalang peserta untuk terus membeli-belah, terutamanya golongan PPPB atau singkatan untuk Persatuan Pustakawan Perempuan Bersara, satu persatuan tidak resmi.

Upacara Perasmian

Pembukaan persidangan yang diadakan di Oslo Spektrum pada 14 Ogos 2005, telah diserikan dengan kehadiran baginda Raja Norway. Meskipun baginda tidak mempunyai apa-apa peranan dalam upacara pembukaan ini, tetapi kehadiran baginda telah sekurang-kurangnya menambahkan kemeriahannya majlis pembukaan tersebut.

Persidangan berlangsung sehingga 18 Ogos 2005 di beberapa lokasi yang telah ditetapkan dan disepanjang persidangan berlangsung, peserta-peserta PPM hanya sempat bertemu di waktu minum pagi di hotel. Masing-masing sibuk mengikuti sesi-sesi yang berkaitan dengan minat mereka.

Beberapa majlis resepsi telah diadakan oleh penganjur atau penerbit. Apa yang pasti walau bagaimana gah sekalipun resepsi tersebut, peserta dari Malaysia hanya mampu menikmati juadah yang terhad. Keperluan makanan orang-orang Muslim nyata tidak dipedulikan. Walau bagaimanapun sebagai pengubat rindu, seorang pembekal yang menyertai pakej ini telah bermurah hati untuk mengundang semua peserta pakej menikmati makan malam di sebuah restoran Lubnan. Makanan Arab yang begitu menyelerakan itu telah disulami pula dengan satu persembahan tarian yang menarik. Pihak penganjur



Peserta bergambar di hadapan Vigeland Park, Oslo

ingin mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Simon Tay kerana telah bermurah hati untuk menaja majlis makan malam tersebut.

Persidangan berakhir pada 18 Ogos 2005 dan peserta pakej telah berlepas untuk ke Helsinki pada esoknya. Sesampainya di Helsinki peserta telah dibawa terus ke Hotel Grand Marina yang terletak ditengah-tengah bandaraya Helsinki berhampiran dengan pelabuhan dan Market Place.

Helsinki

Oleh kerana hari itu adalah hari Sabtu dan hujung minggu, penganjur telah tidak dapat persetujuan untuk melakukan lawatan ke perpustakaan terlebih awal. Walau bagaimanapun dengan persetujuan pemandu pelancung, satu lawatan ke Perpustakaan University of Helsinki yang juga merupakan Perpustakaan Negara Finland, telah dilakukan. Peserta juga dibawa untuk melawat beberapa lokasi menarik di sekitar bandaraya Helsinki sebelum berlepas pulang ke Malaysia pada sebelah malamnya.

Kita berjumpa lagi di WLIC : 72nd IFLA di Seoul Korea Selatan pada bulan Ogos 2006!

BENGGEL KEMAHIRAN MAKLUMAT 2005
28-30 JULAI 2005
Negeri di Bawah Bayu - Sabah

Bengkel Kemahiran Maklumat 2005 telah berjaya diadakan pada 27 Julai hingga 30 Julai 2005 bertempat di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Bengkel ini adalah anjuran bersama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM), Perpustakaan UKM dan Universiti Malaysia Sabah bersempena dengan Kempen Bulan Membaca Julai 2005. Ini adalah merupakan kali yang keempat PPM mengadakan aktiviti di luar Kuala Lumpur iaitu setelah menjelajah ke Negeri Perlis, Negeri Terengganu, Pulau Pinang dan kini ke negeri Sabah pula dipilih sebagai tuan rumah bagi bengkel kali ini.



Bengkel ini bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai manfaat kemahiran maklumat kepada masyarakat setempat dan memberi pendedahan kepada mereka mengenai strategi pencarian maklumat yang bersistematik. Di samping itu juga bengkel ini membimbing peserta mengenai teknik pencarian maklumat dengan menggunakan ICT serta melatih peserta dalam kemahiran asas membina laman web dan portal. Bengkel ini juga diharap dapat membantu memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dan dapat membimbing peserta supaya dapat mengembangkan ilmu yang diperolehi kepada organisasi masing-masing

Seramai 30 orang peserta telah mengikuti bengkel ini yang terdiri daripada pustakawan, guru-guru sekolah, kakitangan jabatan kerajaan dan pegawai sistem maklumat di sekitar Sabah serta pembantu perpustakaan, pegawai dan kakitangan dari UMS sendiri. Sepanjang berlangsungnya bengkel ini, beberapa sesi promosi produk berkaitan oleh



pembekal-pembekal turut diadakan di samping kuiz dengan menyediakan hadiah yang menarik. Selain daripada sesi kuliah dan amali, bengkel ini turut mengadakan pertandingan membina laman web berdasarkan kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang bengkel.



Upacara penutup bengkel ini telah diadakan pada 30 Julai 2003 oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Perhubungan Antarabangsa UMS, Profesor Zahedi Daud yang turut dihadiri oleh Puan Putri Saniah Megat Abd Rahman, Yang DiPertua, Persatuan Pustakawan Malaysia yang telah menyampaikan sijil kepada peserta bengkel. Rata-rata peserta berpuas hati dengan bengkel yang diadakan dan berharap bengkel ini dapat diteruskan lagi bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran maklumat masyarakat.

Jawatankuasa Tetap & Kumpulan dalam PPM

PPM mempunyai pelbagai jawatankuasa tetap, jawatankuasa kumpulan serta kumpulan yang boleh disertai oleh ahli PPM. Sila hubungi pengerusi bagi jawatankuasa atau kumpulan berkenaan jika mana-mana ahli berminat untuk menyertai aktiviti mereka.

JAWATANKUASA TETAP & KUMPULAN	PENGERUSI
Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik	Puan Che Norma Bahri chenorma@notes.usm.my
Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Awam	Puan Norma Mohd Darus ppanps@tm.net.my
Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus	Puan Hasnita Ibrahim hasnita@bernama.com
Jawatankuasa Tetap Perkhidmatan Perpustakaan Kepada Golongan Khas	Puan Habsah Abd Rahman habsah@notes.usm.my
Jawatankuasa Tetap Pendidikan Sains Maklumat	Encik Raslin Abu Bakar raslin@nlm.pnm.my
Jawatankuasa Tetap Teknologi Maklumat	Cik Nafisah Ahmad nafisah@nlm.pnm.my
Jawatankuasa Tetap Penerbitan <i>BERITA PPM</i>	Prof Madya Nor Edzan Che Nasir edzan@um.edu.my
Jawatankuasa Tetap Penerbitan <i>JURNAL PPM</i>	Cik Rosna Taib rosnataib@yahoo.com
Jawatankuasa Kumpulan Perpustakaan Perubatan	Puan Maimunah Kadir mai@mail.hukm.ukm.my
Jawatankuasa Kumpulan Perpustakaan Undang-Undang	Puan Shahrozat Ibrahim
Jawatankuasa Kumpulan Perpustakaan Islam	Cik Balqis Sujak balqis@iiu.edu.my
Kumpulan Sabah	Puan Zahra Yaacob zyaacob@ysnet.org.my
Kumpulan Sarawak	Puan Margaret Simeng mag@cais.unimas.my
Kumpulan Selatan	Puan Noraziah Sharuddin azie@ppc.psz.utm.my
Kumpulan Timur	Cik Aishah Haji Mohd Nasir library@kustem.edu.my

Misi Iqra' PPM Malaysia ke Aceh Pasca-Tsunami

Oleh Hasbullah Atan

erikutan dengan laporan tentang keadaan perkhidmatan perpustakaan di Aceh pasca-tsunami serta permohonan bantuan yang diterima dari Ikatan Pustakawan Indonesia (IPI), PPM merasa terpanggil untuk melakukan sesuatu untuk membantu usaha-usaha memulihkan perkhidmatan perpustakaan di Aceh. Hasrat ini telah direstui oleh ahli PPM melalui satu resolusi yang telah diluluskan di Mesyuarat Agung Tahunan PPM pada 9 April 2005 yang lalu. Resolusi tersebut telah meluluskan penghantaran satu misi untuk membuat tinjauan awal dan mendapatkan maklumat bagi tujuan di atas. Sehubungan itu seramai tiga ahli PPM bersama dengan seorang jurugambar dari Pesona Pictures Sdn Bhd telah berlepas ke Aceh pada 2-5 Ogos 2005 untuk menyempurnakan misi tersebut.

Misi ini telah dinamakan Misi Iqra' dimana Iqra' ialah perkataan Arab bagi baca, perkataan pertama yang diwahyukan melalui AlQuran. Iqra' dengan tepat melambangkan tujuan misi iaitu untuk membantu memulihkan kegiatan membaca dan kegiatan belajar di sana. Tujuan misi ialah untuk:

- menjalinkan hubungan dengan perpustakaan dan agensi berkaitan di Aceh.
- meninjau pembinaan serta pembangunan semula perkhidmatan perpustakaan dan maklumat berikutan tsunami yang melanda pada 26 Disember 2004.
- mengenalpasti jenis dan bentuk bantuan segera yang diperlukan serta cara yang berkesan untuk menyampaikannya.
- menyampaikan laporan misi kepada Majlis PPM

Ahli Misi

- Dato' Zawiyah Baba (Ketua Misi) - Mantan Presiden dan Pengerusi J/K Bantuan Luar PPM
- Sdr. Hasbullah Atan (Ko-ordinator) - Ahli Majlis PPM
- Puan Rohani Rustam (Perhubungan) - Ahli Se-umur Hidup dan Mantan Presiden PPM
- Sdr. Abdul Hamid bin Abdul Rahman - Juru Kamera/ Juru Foto
(Ikhsan Pesona Pictures Sdn Bhd.)

Program Lawatan dan Peruntukan

Dengan maklumat yang telah dikumpulkan serta hubungan yang telah terjalin, misi ini telah menyediakan jadual sementara lawatan empat hari. Rakan-rakan di Aceh pula telah berjanji untuk membantu menyediakan kenderaan bagi lawatan semasa di Banda Aceh. Walau pun Majlis PPM menyokong dan merestui misi ini, namun, PPM hanyalah sebuah organisasi profesional dan bukan komersial dengan sumber kewangan dari yuran ahli dan kegiatan menambah tabung kewangan. Justeru itu, penaja untuk misi Iqra' amat diperlukan untuk membiayai kos misi ini

Penaja

PPM amat bernasib baik kerana kebanyakan dari kos misi ini telah dibiayai oleh Persona Pictures Sdn. Bhd dan disokong oleh Yuha Associates, kontraktor pembekal buku. Persona Pictures juga telah menyediakan khidmat jurufoto/jurukamera serta peralatannya untuk membuat rakaman sepanjang



Membakar semangat. Peserta Misi Iqra' PPM bersama-sama sukarelawan di hadapan pejabat Phi-Beta Learning Centre*

lawatan. Disamping itu :

- Syarikat IT Alam Teknokrat Sdn Bhd (SKALI) telah menyumbang sebuah komputer notebook Compaq yang baru untuk dihadiahkan kepada Perkhidmatan Perpustakaan Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam (NAD).
- Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia telah memberi 8 buah kamus Inggeris-Melayu dan beberapa buku cerita kanak-kanak untuk dihadiahkan kepada perpustakaan di Aceh.
- Syarikat pengiklanan Friends Worldwide, telah menyumbang 100 helai kemeja-t yang direka khas untuk kanak-kanak di Aceh.
- Syarikat IntraBakti Sdn Bhd pula telah mendermakan 1000 buku tulis untuk dihadiahkan kepada kanak-kanak di sana.



Dato' Zawiyah menyampaikan Kamus Dewan kepada Cik Fauziah Usman, Pustakawan di Perpustakaan Kompleks Masjid Raya Baiturahman, Banda Aceh

- Seorang lagi dermawan yang tidak mahu dikenali telah menyumbang 30 helai kemeja-t untuk sukarelawan projek literasi Phi Beta Learning Centre.

Walaupun semua kotak yang dipenuhi sumbangan itu melebihi berat bagasi yang dibenarkan bagi kumpulan misi, namun atas dasar kemanusiaan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah membenarkan jumlah yang lebih itu dibawa tanpa dikenakan bayaran.

Medan

Peserta Misi telah singgah di Medan pada 2 Ogos 2005 untuk bertemu Konsul General Malaysia di sana sambil

lihat muka 7

dari muka 6

mendengar taklimat tentang perkembangan terkini keadaan politik, sosial dan ekonomi di Aceh. Disamping itu peserta juga telah sempat melawat Toko Buku Gramedia di Medan untuk melihat jenis buku yang boleh diperolehi dari toko buku terbesar di Medan itu.

Setibanya di Aceh

Peserta Misi tiba di Banda Aceh pada pagi 3 Ogos 2005 dengan penerbangan Garuda. Berlaku sedikit salah faham tentang berat bagasi yang ada, tetapi ianya dapat diselesaikan apabila pihak Garuda mengenakan bayaran rendah bagi bagasi tersebut. Setibanya di Banda Aceh, peserta di bawa ke Hotel Sulthan, satu-satunya hotel 3 bintang yang beroperasi di tengah kota. Hotel tersebut sering digunakan oleh agensi pembangunan dan bantuan antarabangsa dan selalunya penuh. Tidak menghairankan apabila tiba waktu sarapan pagi, kelihatan pelbagai bangsa yang bertumpu di Banda Aceh.

Keadaan Perpustakaan di Aceh

Melalui beberapa laporan yang diterima sebelum ini serta pencarian yang dibuat laman-laman Web, kumpulan ini mempunyai gambaran yang samar-samar tentang keadaan perpustakaan di Aceh pasca tsunami. Tetapi, maklumat tersebut telah dapat membantu peserta dalam merangka program misi ini untuk memastikan ianya betul-betul dapat dimanfaatkan.

Lawatan dan Wawancara

Peserta Misi mempunyai jadual lawatan dan wawancara yang padat dari 3-4 Ogos 2005 di Aceh. Kami telah mendapat kerjasama yang baik untuk mengadakan wawancara sungguhpun keadaannya tidak selalunya selesa. Wawancara dirakam sewaktu lawatan ke beberapa perpustakaan dan pusat projek literasi dengan mereka yang berikut di Banda Aceh dan Aceh besar :

- Drs Kamaruddin H.Husein - Ketua, Perkhidmatan Perpustakaan Provinsi, Nanggroe Aceh Darussalam
- Ibu Yusnidar - Pustakawan Kanan, Perkhidmatan Perpustakaan Provinsi, NAD
- Drs. Fauzi Mahmud - Wakil, Ikatan Pustakawan Indonesia (IPI), Cabang Aceh
- Sdr. Saiful Mahdi - Koordinator Program, Pembangunan Dana Wanita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFEM), Kantor Projek di Aceh
- Cik Fauziah Usman, Pustakawan, Perpustakaan Kompleks Masjid Raya Baiturrahman, Banda Aceh
- Sdr Edy Sopyan, Koordinator, Yayasan Anak Bangsa Aceh, Daerah Pendampingan Lambrado, Aceh Besar, NAD
- Cik Cut Intan Mutia, Koordinator, Forum Lingkaran Pena

Permohonan Bantuan

Dalam wawancara dengan Drs Kamaruddin H. Husein, Ketua baru BPD yang dilantik oleh Gubner pada Mac 2005 dan Ibu Yusnidar, perancangan pembangunan perpustakaan bagi beberapa tahun akan datang serta bantuan pelaksanaan yang diperlukan adalah seperti berikut:



Dato' Zawiyah menyampaikan sebuah komputer riba kepada Drs Kamaruddin H. Hussein, Kepala, Badan Perpustakaan Daerah, Negara Aceh Darussalam

- a. Buku untuk koleksi perpustakaan amat diperlukan bagi menggantikan buku yang telah musnah oleh tsunami. Hampir kesemua buku yang terletak di tingkat bawah telah musnah, kecuali buku yang diterima melalui Akta Penyerahan yang terletak di tingkat satu. Buku bahasa Indonesia dan Inggeris diperlukan.
- b. Bahan sejarah tentang Aceh perlu dikesan untuk membina semula dokumentasi sejarahnya.
- c. Kenderaan bagi perpustakaan bergerak sangat diperlukan untuk perkhidmatan perpustakaan luar bandar di Aceh. Dua buah perpustakaan bergerak yang baru sumbangan Perpustakaan Nasional Indonesia musnah waktu tsunami. Anggaran kos kenderaan sebelum diubahsuai menjadi perpustakaan bergerak ialah RM100,000.-150,000. Jika dipasang alat hawa dingin kosnya boleh menjadi RM200,000.00.
- d. Perabot - Tsunami telah memusnahkan seluruh tingkat satu perpustakaan, termasuk buku, rak dan perabot. Pada masa ini hanya perabot asas yang tidak menepati piawai perabot perpustakaan disediakan.
- e. Pembangunan sumber manusia dan pembinaan keupayaan merupakan aspek penting dalam proses pembinaan semula. Tenaga pekerja perkhidmatan Perpustakaan Provinsi Aceh semakin kecil apabila sejumlah 23 daripada 77 orang pekerjanya hilang sewaktu tsunami, termasuk Ketua Perkhidmatan dan tenaga profesionalnya. Tenaga kerja baru perlu dilantik dan diberi latihan
- f. Sistem perpustakaan bersepadu serta kemudahan telekomunikasi perpustakaan turut musnah akibat tsunami. Semua komputer serta pelayan yang terletak di tingkat satu sungguhpun terselamat dari tsunami habis dicuri. Rangkaian setempat perlu dibina semula, sistem perpustakaan sepadu diwujudkan dan perkhidmatan perpustakaan digital dibangunkan semula. Perpustakaan telah menggunakan sistem WINISIS, perisian yang diperolehi dari Unesco, dan telah digunakan untuk modul katalog dan sirkulasi. Buat masa kini, perpustakaan tidak mempunyai talian tetap kerana kemudahan telekomunikasi bagi seluruh Banda Aceh masih belum diperbaiki. Perpustakaan tidak mempunyai kemudahan faks, telefon atau Internet. Banyak yang perlu dilakukan untuk membawa perpustakaan tersebut ke abad 21 dari aspek kemudahan komunikasinya.

lihat muka 12

Laporan Mesyuarat Agung Persatuan Pustakawan Malaysia (Kumpulan Selatan) tahun 2005

ada 23 April 2005, Persatuan Pustakawan Malaysia (Kumpulan Selatan) dengan jayanya telah mengadakan Mesyuarat Agung PPM(KS) kali yang ke 4 bertempat di Bilik Mesyuarat, Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM, Skudai. Sehubungan dengan mesyuarat tersebut, PPM(KS) telah memeriahkan lagi aktiviti pada hari tersebut dengan menganjurkan ceramah yang bertajuk "Positive Parenting". Ceramah telah disampaikan oleh Dr Aminah Kassim, Pakar Perubatan Jiwa, Hospital Permai, Johor Bahru. Secara keseluruhannya Mesyuarat Agung PPM(KS) kali ke 4 ini berlangsung dengan jayanya disamping adanya penyertaan rakan Pustakawan dari Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dan Yayasan Pelajaran Johor.

Sesi Ceramah "Positive Parenting"

Aktiviti pada pagi itu dimulakan dengan sesi ceramah yang bertajuk "Positive Parenting" yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Dr Aminah Kassim, Pakar Perubatan Jiwa, Hospital Permai, Johor Bahru. Antara lain, sesi pada pagi itu tertumpu kepada topik kekeluargaan yang dikupas mengikut konsep dan teori praktikal yang boleh diaplikasikan di dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Tumpuan lebih diberikan kepada kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh ibu bapa di dalam memantapkan lagi hubungan dengan anak-anak. Pengalaman yang dilalui Dr Aminah Kassim sebagai Pakar Perubatan Jiwa dapat kami kongsi bersama apabila beliau mengupas masalah-masalah remaja atau anak-anak bermasalah yang pernah beliau tangani sebelum ini. Secara keseluruhannya ceramah pada pagi itu amat memberi kesan dan impak positif kepada ahli yang hadir. Rentetan daripada pertemuan PPM(KS) dengan Dr Aminah Kassim telah memberi ruang kepada PPM(KS) untuk menjalin kerjasama dalam aktiviti kemasyarakatan bersama Hospital Permai di masa akan datang.

Pelancaran Laman Web PPMKS

Majlis pada pagi itu juga turut menyaksikan Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM melancarkan Laman Web PPM(KS) yang telah dibangunkan oleh Encik Mohd. Razib Karno, Pustakawan PSZ. Dengan wujudnya laman web ini, adalah diharap ia akan dapat merapatkan lagi hubungan antara pustakawan PPM(KS) serta memudahkan lagi penyaluran maklumat persatuan kepada ahlinya. Laman web ini boleh diakses di alamat <http://ppmks.blogdrive.com>



Mesyuarat Agung Tahunan PPM(KS)

Kemuncak majlis pada pagi itu ialah Mesyuarat Agung Tahunan PPM(KS) kali ke 4 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat, Perpustakaan Sultanah Zanariah. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Pengerusi PPM(KS) Puan Noraziah Sharuddin. Mesyuarat dimulakan dengan menyemak Minit Mesyuarat Agung Tahunan PPM(KS) kali ke 3 yang lepas. Seterusnya Puan Pengerusi membentangkan laporan keseluruhan aktiviti PPM(KS) serta laporan kewangan bagi sesi 2004/2005. Secara keseluruhannya PPM(KS) telah berjaya di dalam mempelbagaikan aktiviti serta memantapkan tabung kawangannya. Puan Pengerusi juga telah menyampaikan rasa penghargaan kepada barisan Ahli Jawatankuasa PPM(KS) sesi 2004/2005 di atas sumbangan dan komitmen yang diberikan.

Majlis diteruskan dengan perletakan jawatan Ahli Jawatankuasa 2004/2005 dan perlantikan Ahli Jawatankuasa baru PPM(KS) sesi 2005/2006. Majlis dipengerusikan oleh Cik Haslina Othman, Pustakawan PSZ. Hasil dari undian yang dijalankan Puan Noraziah Sharuddin berjaya mendapat kepercayaan dari ahli bagi mengekalkan kedudukan beliau sebagai Pengerusi.

Majlis Hi-Tea di Hotel Mutiara

Kemuncak acara pada hari itu ialah Majlis Hi-Tea di Hotel Mutiara, Johor Bahru pada jam 2.30 petang. Kesempatan ini diambil oleh pustakawan PPM(KS) untuk beramah mesra dan mengeratkan silaturrahim.

Penutup

Secara keseluruhannya majlis Mesyuarat Agung PPM(KS) kali ke 4 berjalan dengan baik dan mencapai objektifnya. Cuma yang diharapkan ialah penyertaan yang lebih memberangsangkan daripada pustakawan dari perpustakaan lain di kawasan selatan ini.

Senarai Ahli Jawatankuasa PPM(KS)

Sesi 2005/2006

Pengerusi

Puan Noraziah Sharuddin (PSZ)

Setiausaha

Puan Khairulbahiyah Yaakub (PSZ)

Bendahari

Cik Nazrinda Abu Samah (PSZ)

Ahli Jawatankuasa

Cik Asmah Sabtu (Yayasan Pelajaran Johor)

Puan Junaidah Abdullah (PSZ)

Cik Mazyana Hashim (PSZ)

Encik Mohd Nasir Ibrahim (PSZ)

Encik Md Razib Karno (PSZ)

Cik Zuhra Zainuddin (KUITTHO)

Pakej PPM ke Persidangan Celebrating Knowledge: The Power And Potential 13-15 November 2005 di Intercontinental Hotel, Singapura.

PPM akan menganjurkan pakej bagi membolehkan ahli menghadiri Persidangan *Celebrating Knowledge : The Power And Potential* pada 13-15 November 2005 di Intercontinental Hotel, Singapura. Persidangan ini diadakan sebagai sebahagian dari acara sambutan perayaan Jublie Emas PPM/LAS. Seperti apa yang dilakukan oleh PPM pada April 2005, LAS akan menganjurkan satu Gala Dinner pada 13 November 2005 di Chijmes Hall. Pakej ini dianjurkan sebagai membalas sambutan hebat yang telah diberikan oleh ahli LAS semasa *PPM-LAS Commemorative Conference : Librarian in the Virtual World* yang telah dianjurkan oleh PPM pada bulan April lepas. Bersempena dengan persidangan ini, upacara perasmian bangunan baru Singapore National Library akan diadakan.

Aturcara Pakej

Pakej anjuran PPM ini akan menggunakan perkhidmatan bas persiaran dan akan bermula dengan lawatan ke Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM, Skudai,

Tarikh Aturcara

12/11/2005 (Sabtu)

8.00 pagi : Berlepas ke Johor Baru dengan bas
12.00 tgh : Lawatan ke Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM.
3.00 ptg : Berlepas ke Singapura
4.00 ptg : Check-in (Bebas)
8.00 mlm : Makan malam (Sendiri)

13/11/2005 (Ahad)

8.00 pagi : Sarapan pagi
9.00 pagi : Lawatan ke Singapore Science Centre
11.00 pagi : Lawatan ke Jurong Regional Library
1.00 tgh : Makan tengahari (Sendiri)
2.00-5.00 ptg : Lawatan ke National Library of Singapore (untuk peserta persidangan sahaja)
7.00 mlm : Gala Dinner

14/11/2005 (Isnin)

Persidangan
7.00-9.00 mlm : Storytellers Showcase (Opsyenal)

15/11/2005 (Selasa)

Persidangan
4.30 ptg : Berlepas ke Kuala Lumpur
9.30 ptg : Tiba di Kuala Lumpur

Penyertaan dan Harga Pakej

Penyertaan pakej ini terhad kepada **35 orang peserta** sahaja berdasarkan kepada *first-come-first-serve basis*

Harga Pakej

JENIS PENGINAPAN

TWIN SINGLE

RM845.00 RM1205

BUKANAHLIPPM

RM895.00 RM1255

HOTEL

Hotel Golden Landmark
390 Victoria Street, Singapore
(Sebelah Arab Street)

Pakej ini **TIDAK** meliputi yuran persidangan dan peserta bertanggungjawab untuk menguruskannya sendiri. Walau bagaimanapun pihak penganjur persidangan telah berjanji untuk memberikan diskaun sebanyak 10% untuk ahli-ahli PPM. Brosur persidangan boleh didapati di : <http://www.nlb.gov.sg/conference2005>

Syarat-syarat Penyertaan:

1. Sila majukan nama dengan mengisi borang di bawah dan fakskan borang kepada No. Fax: 03-91738610 atau email (mai@mail.hukm.ukm.my)
2. Deposit berjumlah RM300.00 (non-refundable) dibayar atas nama Persatuan Pustakawan Malaysia dan dihantar ke Sekretariat PPM beralamat seperti di atas. Bayaran hendaklah diterima tidak lewat dari 15 Oktober 2005.
3. Bayaran penuh mesti diterima oleh PPM pada atau sebelum 1 November 2005. Sila pastikan cek bayaran diterima oleh PPM pada atau sebelum tarikh tersebut.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Puan Maimunah Kadir :
Emel : mai@mail.hukm.ukm.my
Tel: 91702288

Ahli Baru PPM

Ahli Profesional:

- | | | |
|--------------------------------|---|------|
| 1. Kamariah bt Mohamed Jong | - | UTM |
| 2. Khairul Bahiyah bt Yaakub | - | UTM |
| 3. Mazyana bt Hashim | - | UTM |
| 4. Mohd Fuad bin Mohamed Yusof | - | UTM |
| 5. Junaidah binti Abdullah | - | UTM |
| 6. Zurina binti Rosmani | - | UTM |
| 7. Noor Rahmawati bt Alias | - | UiTM |

Ahli Gabungan:

- | | | |
|-------------------------------|---|------|
| 8. Wan Satirah Wan Mohd Saman | - | UiTM |
| 9. Mohd Razilan b Abdul Kadir | - | UiTM |
| 10. Mohd Ridwan bin Seman | - | UiTM |
| @ Kamarulzaman | | |

Aktiviti PPM Oktober - Disember

Pakej PPM ke Singapore

13-15 November 2005

Kursus Pembantu Perpustakaan/Pusat Maklumat:

Kearah Pengkaksesan Maklumat Berkesan

5-10 Disember 2005

Retreat PPM

Disember 2005



content + tools + services

Did you know that Ovid offers:

- One-click access to every electronic journal available through your library
- Online access to the largest collection of premier medical texts
- Bibliographic databases to streamline your research
- Powerful search features to save you valuable time
- Personalized AutoAlerts to keep you current on your topics of interest – delivered directly to your email
- Advanced interface choices for SilverPlatter users

We serve our customers with offices in
Kuala Lumpur, Beijing, Hong Kong, Sydney and Tokyo

www.ovid.com

Sydney office (Asia Pacific Headquarters)
for sales in Australia, New Zealand or
South East Asia

Tel: +61 (0) 2 9231 5599
Freecall: (Australia) 1 800 226 474
Freecall: (New Zealand) 0 800 446 106
Fax: +61 (0) 2 9231 5086
E-mail: aslapac@ovid.com

Hong Kong office for North and South East
Asia, China, Korea, Philippines, Taiwan
and Thailand

Tel: (852) 2865-2864
Fax: (852) 2804-2746
E-mail: aslapac@ovid.com

Beijing office

Tel: (86) 10 8525 1833
Email: aslapac@ovid.com

Kuala Lumpur office

Tel: +603 8076 2836
Email: aslapac@ovid.com

Tokyo office

Tel: +81 (3) 5842 3775
Fax: +81 (3) 5689 2760
Email: japan@ovid.com

Puan Rashidah Bolhasan

Telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se Malaysia yang baru.

Prof Madya Nor Edzan Che Nasir

Telah dilantik sebagai Pengerusi Berita PPM yang baru

Encik Raslin Abu Bakar

Telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan Sains Maklumat yang baru



Selamat Bersara diucapkan kepada Cik Fawziah Md. Senawi .

Beliau yang telah memulakan perkhidmatan pada 6 Jun 1977 dan di tempatkan di Bahagian Katalog sehingga 1979. Kemudian beliau dihantar ke Kampus Sabah dari Jun 1979 – Jan 1980. Selepas itu beliau balik ke Perpustakaan Tun Seri Lanang di Kampus Bangi dan di tempatkan di beberapa koleksi seperti Koleksi Katalog (1980 – 1981), Koleksi Dokumen (1981 – 2001), Koleksi Media (2001 – 2003). Beliau telah dilantik sebagai Ketua Perpustakaan Undang-Undang pada 7 Oktober 2003 sehinggalah beliau bersara pada 6 Oktober 2005.



Selamat Bersara diucapkan kepada Cik Badilah bt. Saad.

Beliau mula berkhidmat di Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1973. Pada Julai 2000 hingga 28 Februari 2004, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pustakawan. Seterusnya, beliau telah dilantik sebagai Pemangku Ketua Pustakawan pada 1 Mac 2004 – 25 September 2005. Beliau telah bersara sebagai Pemangku Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia mulai 26 September 2005.

dari muka 7

Bantuan Yang Diperlukan Oleh Perpustakaan Lain

Perpustakaan lain yang dilawati telah menyatakan keperluan segera mereka ialah penambahan buku untuk pengembangan koleksi yang sedia ada. Terdapat kekurangan bahan bacaan dan kekurangan ini boleh di atasi dengan penambahan buku dalam bahasa Indonesia, tetapi buku dalam bahasa Malaysia dan Inggeris boleh juga ditambah. Keadaan ini benar bagi Perpustakaan Masjid Raya Baiturrahman. Pustakawan yang hadir di BPD juga telah menyatakan keperluan buku serta jurnal ilmiah dalam bahasa Malaysia dan Inggeris untuk perpustakaan universiti, seperti Perpustakaan Universiti Syiah Kuala dan Universiti Al-Raniri.

Phi Beta Learning Centre dan Projek Literasi

Buku dan bahan bacaan sangat diperlukan untuk menyokong program literasi dan pembacaan yang diusahakan oleh Phi Beta Learning Centre. Pusat tersebut memberi pinjaman buku selama 10 hari dan telah menggunakan kaedah yang menarik untuk melibatkan ibubapa dalam program tersebut. Pusat itu juga mengumpul buku sebagai salah satu kegiatan mereka, disamping menyediakan kelas tuisyen untuk remaja. Lencana atau butang dengan perkataan “baca” sangat berguna untuk membantu menyebarkan perutusan tentang pembacaan.

Projek Literasi yang Lain

Ada beberapa kumpulan yang mengendalikan projek literasi di Aceh, khususnya di kawasan penempatan sementara bagi mangsa tsunami, seperti Yayasan Anak Bangsa, Forum Lingkar Pena dan Children Media Centre. Selain buku, bahan tulisan dan lukisan sangat diperlukan untuk mengekalkan program dan aktiviti literasi bagi mangsa tsunami dan mereka yang tinggal di luar bandar. Keperluan mereka mudah, tetapi diperlukan segera untuk memastikan kegiatan dapat diadakan secara tetap oleh sukarelawan. Pembangunan literasi serta perangsangan minda kanak-kanak dan remaja tidak boleh terbiar sambil menunggu proses pembinaan semula Aceh.

Misi ini juga telah menerima dua kertas cadangan dari Forum Lingkar Pena (FLP). Forum ini ialah sebuah organisasi yang dimulakan oleh sekumpulan penulis muda dalam tahun 1997 dan mempunyai 30 cawangan di Aceh dan di tempat-tempat lain di Indonesia. Forum ditubuhkan oleh alumni Fakulti Sastera Universitas Indonesia yang bimbang dengan keadaan rendahnya minat membaca dan menulis dikalangan masyarakat Indonesia. FLP cawangan Aceh ditubuhkan pada 2005 Kempen ini ditumpukan kepada mereka yang terselamat dari tsunami yang tinggal di khemah-khemah sekitar Banda Aceh untuk merangsang minda mereka dan mengatasi trauma tsunami yang dialami supaya tidak berterusan. FLP akan menggerakkan semua ahli mereka yang terselamat untuk memulih dan membina semula Aceh. Kos untuk bahan penerangan kempen dianggarkan Rp 221,990.



Kunjungan hormat ke Konsul General Malaysia di Medan En Yusof Abu Bakar (2 dari kiri).

Cadangan

- Mendapatkan sokongan dan mewujudkan rangkaian mempromosi pembinaan semula perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Aceh.
- Menarik perhatian pihak berkuasa yang bersesuaian di Malaysia untuk memastikan pembinaan kemudahan perpustakaan diberi keutamaan yang segera dalam senarai pembinaan semula perkhidmatan dan infrastruktur di Aceh.
- Menarik perhatian komuniti antarabangsa melalui IFLA tentang keperluan segera untuk membina semula perkhidmatan perpustakaan dan maklumat di Aceh.
- Mendapatkan sokongan sektor korporat dan NGOs di Malaysia untuk mengumpul dana bagi membeli buku dan bahan bacaan serta kenderaan untuk membantu program dan aktiviti perpustakaan dan literasi di Aceh.
- Memastikan kepimpinan dan ketabahan serta usaha yang ditunjukkan oleh pegawai BPD diiktiraf dan dihargai. Pegawai seperti Ibu Yusnidar yang dilantik sebagai Pemangku Ketua telah menyediakan pejabat sementara, membersihkan bangunan serta kawasan sekelilingnya supaya boleh diguna semula.
- Mencadangkan supaya Perpustakaan Negara Malaysia mempelopori usaha memberi bantuan kepada Perkhidmatan Perpustakaan Provinsi NAD dengan membuat carian bagi bahan dokumentasi tentang Aceh, memberi latihan pengawetan bahan nadir dan latihan untuk pengurusan tinggi dan menengah serta kumpulan sokongan teknik di bawah Program Kerjasama Teknik Malaysia.

Kesimpulan

Misi ke Aceh ini telah diluluskan untuk menjalin hubungan dengan pustakawan di Aceh dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat tentang jenis bantuan yang diperlukan dan cara yang terbaik untuk menyampaikan bantuan. Misi telah berjaya mendokumentasikan jenis bantuan yang diperlukan dan sedang menyediakan persembahan video. Laporan lengkap akan diserahkan kepada Majlis PPM dan seterusnya dimajukan kepada agensi dan pihak berkuasa yang bersesuaian.